

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN NG WEI AIK [TANJONG]

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perubahan dari segi pendirian Kerajaan Persekutuan terhadap hukum hudud, di mana Perdana Menteri berkata hukum hudud tidak akan dilaksanakan di Malaysia pada tahun 2011 dan sekarang pula menegaskan Kerajaan Persekutuan tidak pernah menolak hukum hudud. Adakah ini suatu pendirian yang telah dipersetujui dalam mesyuarat Kabinet.

**JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada dasarnya, Kerajaan tidak menolak undang-undang jenayah Syariah termasuk hukuman hudud. Dimana, Kerajaan menyedari kesesuaian syariat Islam untuk digunapakai dalam semua zaman,

tempat dan keadaan. Pendirian Kerajaan ini telah saya jelaskan semasa penggulungan Titah Diraja di Dewan Yang Mulia ini, pada 27 Mac 2014 di Mesyuarat Pertama yang lalu. Perdana Menteri juga telah menegaskan hal yang sama di sebuah majlis di Kedah pada 24 April 2014.

Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa berusaha mengambil **pendekatan secara bertahap** bagi memastikan Undang-Undang Jenayah Syariah dilaksanakan termasuk memperluaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah, menaik taraf sistem kehakiman Syariah dan menyemak semula kedudukan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah.

Dalam masa yang sama, Kerajaan-kerajaan negeri perlu memandang serius terhadap prinsip keadilan dan kesaksamaan dalam penghukuman. Pelaksanaan undang-undang jenayah Syariah memerlukan tahap pembuktian yang tinggi dan penuh ketelitian sebelum hukuman dijatuhkan. Sebarang keraguan yang berjaya ditimbulkan atau *prima facie* gagal dibuktikan akan menyebabkan hukuman tersebut tidak akan dikenakan terhadap tertuduh.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 42

Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status cadangan pembentukan Jawatankuasa Pilihan Khas Ahli Parlimen bagi mengkaji tragedi penerbangan MAS MH370.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kerajaan pada masa ini belum memutuskan samada untuk membentangkan Kertas Putih di Parlimen atau menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ataupun menubuhkan Jawatankuasa Khas Parlimen susulan dari insiden ini. Keputusan mengenainya akan dibuat setelah pesawat yang hilang ditemui dan siasatan mengenai insiden dijalankan dan punca tragedi dikenalpasti. Usaha mencari pesawat MH370 akan diteruskan.